

# BAYARAN TUNTUTAN 2019

Sebahagian sumbangan Takaful yang dibayar oleh anda dan para peserta Takaful yang lain akan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* (Dana Bantuan Bersama). Dana ini kemudiannya digunakan bagi membantu peserta Takaful mengikut manfaat sijil yang mereka setuju yang membolehkan mereka membuat tuntutan.

Kami di PruBSN komited untuk menguruskan Dana *Tabarru`* tersebut dan memberikan perkhidmatan yang sebaiknya termasuklah memproses tuntutan yang sah, bersesuaian dengan masa yang ditetapkan.

Pada tahun 2019, anda, sebagai peserta takaful kami telah membantu seramai 71,825\* peserta takaful lain dengan tuntutan berjumlah

## RM604.8 Juta\*.



**PERUBATAN:  
RM448.96 Juta**

Bantuan anda telah membolehkan mereka mendapatkan rawatan kesihatan yang terbaik.



**KEMATIAN:  
RM63.59 Juta**

Bantuan anda membolehkan ahli keluarga mereka meneruskan kehidupan dengan selesa.



**PENYAKIT KRITIKAL:  
RM13.94 Juta**

Bantuan anda telah membantu menampung kos perubatan penyakit kritikal mereka.



**HILANG UPAYA KEKAL:  
RM3.22 Juta**

Bantuan anda telah menggantikan pendapatan dan membantu meneruskan kehidupan mereka.

\*Nota: Ini merupakan jumlah tuntutan yang didaftarkan. Jumlah bayaran tuntutan tahun 2019 adalah RM529.7 Juta untuk 60,952 orang peserta.